

BAB 3 : CAMPURTANGAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN 1874 - 1895

PENDAHULUAN

Kejatuhan empayar Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511 membentuk satu era baru dalam sejarah perkembangan politik Tanah Melayu. Peristiwa penaklukan Melaka menandakan satu titik peralihan dalam permulaan campurtangan kuasa-kuasa barat di rantau ini yang dimulakan oleh Portugis. Ini diikuti oleh kuasa Belanda dan akhirnya muncul British yang sesungguhnya memainkan peranan yang signifikan dalam arena politik tempatan.

Menjelang abad ke- 19 Britain telah muncul sebagai sebuah negara perindustrian yang terlibat dalam imperialisme kuasa-kuasa Eropah yang giat mencari koloni-koloni di Asia dan Afrika sebagai pasaran barang mereka dan juga untuk mendapatkan sumber baru bahan mentah seperti bijih timah. Imperialisme merupakan satu konsep yang penting dalam kancalah politik dunia menjelang 1870 -an. Perkataan imperialisme sebenarnya berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘Imperium’ yang bermaksud kuasa.¹

Menurut Andrew Porter imperialisme bermaksud:

“exclusive claims to territory by European powers and their attempts to assert effective control, as well as other forms of European intervention and influence overseas, proliferated more quickly than they had done since the eighteenth century and attracted an unusual degree of attention”.²

¹ Peter Neville, ‘Europe in 1914’, *World History 1914-1980*, Hampshire, 1983, hlm. 5.

² Andrew Porter, *European Imperialism 1860 - 1914*, London: Macmillan Press Ltd, 1994, hlm. 2.

Sementara itu Peter Neville menggariskan bahawa imperialisme merupakan ‘the urge to dominate other countries by military or economical means’.³ Pendapat Neville turut disokong oleh D.G. E. Hall yang merasakan:

“ Economic imperialism provided the main stimulus to the extension of European domination over the lands and islands of South East Asia. Europe’s insatiable hunger for markets and for tropical products went through a number of distinct phases between 1500 - 1902”.⁴

William L. Langer pula berpendapat imperialisme:

“...was frequently associated with the ideas of dictatorial power highly centralized government and arbitrary methods of administration”⁵.

Salah satu faktor utama yang membawa kepada kebangkitan imperialisme di Asia Tenggara ialah perkembangan dalam bidang perindustrian yang mendorong kuasa-kuasa barat seperti Britain, Perancis, Belanda, Jerman dan Sepanyol meluaskan kuasa politik di seluruh dunia bagi membentuk empayar masing-masing. British sebagai pelopor Revolusi Perindustrian memerlukan tanah-tanah jajahan bagi menjamin kepentingan ekonominya. Menjelang tahun 1763 Britain telah muncul sebagai kuasa terkemuka di Eropah dan dunia dengan empayar kolonialnya yang luas.⁶

³ Peter Neville, hlm. 7.

⁴ D.G.E. Hall, *A History of South East Asia*, New York: St. Martin's Press, 1968, hlm. 781.

⁵ William L. Langer, ‘The Triumph of Liberalism’, *The Diplomacy of Imperialism 1800-1902*, New York, 1960, hlm. 67.

⁶ Ian Crofton, *The Guinness Concise Encyclopedia*, ‘A History of The World’, Great Britain: Guinness Publishing, 1993, hlm. 256.

Boleh dikatakan minat British ke atas Tanah Melayu telah lama bermula. Justeru itu perjanjian bersejarah British-Belanda pada tahun 1824 telah membawa satu dampak yang menarik dengan mengubah corak campurtangan kuasa-kuasa Eropah di Asia Tenggara amnya dan Tanah Melayu khasnya. Berdasarkan perjanjian tersebut, kawasan-kawasan pengaruh dan perdagangan bagi kedua-dua kuasa besar itu ditentukan dengan begitu jelas dan nyata.(Sila Rujuk Lampiran 3)

Setelah British memperolehi Pulau Pinang pada tahun 1786, menguasai Singapura dalam tahun 1819 dan seterusnya memperolehi Melaka menjelang tahun 1824.⁷ Pentadbiran ketiga-tiga negeri tersebut kemudiannya disatukan dan dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 dan kekal di bawah penguasaan British di India. Menjelang tahun 1867 pentadbiran NNS diserahkan kepada Pejabat Tanah Jajahan British di London. Seterusnya ia menjadi pangkalan yang membawa kepada penularan pengaruh British ke seluruh Semenanjung secara berperingkat-peringkat.⁸

Menjelang tahun 1771 Francis Light yang terlibat dalam aktiviti perdagangan di Tanah Melayu sebagai wakil dari firma Madras di India tertarik dengan kekayaan - kekayaan yang diperolehi dari perkembangan perdagangan di rantau ini. Dalam suku pertama abad ke 18 China muncul sebagai sumber teh yang terpenting di dunia. Teh menjadi minuman kegemaran penduduk Britain yang menyebabkan British mula

⁷ Perbincangan lebih lanjut mengenai pengambilan Pulau Pinang oleh Francis Light boleh didapati dalam buku R. Bonney, *Kedah 1771 - 1821: The Search for Security and Independence*, London: Oxford University Press, 1971. Pengambilan Singapura dalam bab pertama buku C. M. Turnbull, *A History of Singapore 1818 - 1975*, London: Oxford University Press, 1977.

⁸ R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysia, Tradition, Modernity and Islam*, London: Westview Press, 1986, hlm. 12.

melibatkan diri dalam perdagangan teh yang amat menguntungkan itu. Tanah Melayu dikenalpasti sebagai kunci bagi perdagangan di antara Britain dan China.⁹

Dalam bulan Ogos 1771, Light telah mengutus sepucuk surat kepada firmanya di Kedah. Di dalam surat tersebut beliau menyatakan mengenai tawaran Sultan Kedah kepada pihak British ke atas pelabuhan Kedah dan pembinaan satu benteng yang berhampiran sebagai perlindungan dari ancaman Selangor.¹⁰ Beliau menambah lagi bahawa sekiranya tawaran itu ditolak kemungkinan ia akan diberikan kepada Belanda.¹¹ Penguasaan Belanda ke atas Kedah akan menjelaskan kegiatan ekonomi British kerana kemungkinan British tidak akan dapat menjalankan perdagangan di Negeri-Negeri Selat.

Ini seterusnya membawa kepada penguasaan Light ke atas Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786 dan perbahasan Light yang mempengaruhi Konsil di Madras untuk menghantar Edward Moncton ke Kedah ialah cadangannya kepada Warren Hastings bahawa Pulau Pinang merupakan pelabuhan yang paling sesuai bagi menjalankan aktiviti perdagangan dengan Negara China.¹²

⁹ Braddell kepada R.H. Meade, 27 April 1883, CO 273/125.

¹⁰ Rupert Emerson, *Malaysia : A Study In Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur : University Malaya Press, 1979, hlm. 72.

¹¹ Ibid., hlm. 72.

¹² D.K. Bassett, ‘ European Influence In The Malay Peninsula, 1511 - 1786 dalam *British Malaya 1824 - 67* oleh L.A. Mills, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966, hlm. 16.

Perlantikan Sir Andrew Clarke sebagai Gabenor Negeri - Negeri Selat pada November 1873 membawa kepada perubahan drastik dalam pengamalan polisi British ke atas Semenanjung Tanah Melayu.¹³ Andrew Clarke atas inisiatifnya sendiri membuat keputusan untuk campurtangan dalam politik Perak pada Januari 1874. Arahan bagi campurtangan yang dikeluarkan oleh Andrew Clarke adalah penting kerana ia menunjukkan bahawa Pejabat Kolonial telah bersedia untuk melaksanakan satu dasar baru di Tanah Melayu.¹⁴

Walaupun pada peringkat awal setiap pihak yang bermusuhan di Perak telah meminta bantuan daripada British bagi mendapatkan sokongan namun permintaan mereka tidak dilayani atas alasan Kerajaan British tidak berminat mencampuri urusan dalaman negeri mereka. Tetapi sekiranya para pembesar yang berkuasa telah membuat keputusan melantik Sultan yang sepatutnya menaiki takhta mengikut adat mereka, pihak British bersetuju untuk memberi pengiktirafan kepada Sultan tersebut.¹⁵

Penglibatan British dalam politik negeri-negeri Melayu terserlah dengan termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 di antara Raja Abdullah Perak dengan Gabenor Andrew Clarke. (Sila Rujuk Lampiran 3.1) Perjanjian tersebut ditandatangani akibat daripada tindakan Raja Abdullah yang meminta bantuan British di Negeri-Negeri Selat untuk membantunya merebut kembali takhta kerajaan Perak daripada Raja Ismail.

¹³ C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, London : Oxford University Press, 1962, hlm.267.

¹⁴ C.D. Cowan, Swettenham's Perak Journal 1874 - 1876, *JMBRAS*, Part IV, Vol. XXIV, 1951, hlm. 11 dan Rupert Emerson, hlm. 118.

¹⁵ Surat George Ord kepada Earl of Kimberly, Collection of Printed Papers, Press Cutting Etc, 6 November 1872, SP 12/127/72, hlm.10.

Melalui perjanjian tersebut Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak yang sah.¹⁶ Manakala Raja Ismail diberi pencen dan dibenarkan mengekalkan gelaran Sultan Muda. Artikel keenam dalam Perjanjian Pangkor menyatakan “ That the Sultan receive and provide a suitable residence for British officer to be called Resident whose advice must be asked and acted upon on all questions other than those touching Malay Religion and custom”¹⁷

Boleh dikatakan artikel tersebut merupakan titik peralihan yang penting dalam sejarah Tanah Melayu memandangkan ia menandakan permulaan proses pemerintahan British di Negeri-Negeri Melayu secara rasmi melalui perlantikan seorang Residen British. Sistem Residen boleh dianggap sebagai pemerintahan secara tidak langsung British di NNM.

Desakan pihak pedagang di Negeri-Negeri Selat yang menyatakan keadaan anarki di negeri-negeri seperti Perak terutamanya telah mengganggu kelincinan kegiatan ekonomi dan ini dirumitkan lagi dengan penglibatan bersama kongsi - kongsi gelap Cina dalam perebutan takhta Raja-Raja Melayu.¹⁸

¹⁶ W.G. Maxwell and W.S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting The Malay States and Borneo*, London: Truscott and Sons Ltd, 1924, hlm. 28.

¹⁷ Ibid., hlm. 29.

¹⁸ Peristiwa yang membawa kepada pertengkaran di kalangan kongsi - kongsi gelap Cina di Larut ialah isteri kepada seorang ketua suku Si Quan (Ghee Hin) telah jatuh cinta kepada seorang lelaki daripada suku Goh - Quan (Hai San). Pasangan tersebut telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam sebuah bakul dan dibuang ke dalam sebuah lombong yang lama. Walaupun orang-orang Goh Quan bersetuju menyelesaikan perkara tersebut dengan sejumlah wang tetapi apabila persetujuan diingkari ia mencetuskan perperangan.

(S Dunlop, F.A Swettenham dan W. A. Pickering, Report of The Commissioners Under Clause XIII of The Perak Engagement dated 20 January, Journal of Their Expedition to Perak, hlm. 4)

Di samping itu, tekanan berterusan daripada saudagar-saudagar Negeri-Negeri Selat bagi melindungi harta benda dan nyawa mereka di Negeri-Negeri Melayu di antara tahun 1872 dan 1873 juga mendorong pihak British mengubah polisinya dari tidak campurtangan kepada campurtangan.¹⁹

Di Larut umpamanya yang merupakan kawasan perlombongan yang utama di Perak berlaku pertelingkahan antara kongsi-kongsi gelap Cina pada awal 1870 -an yang memburukkan lagi keadaan huru-hara di Perak.²⁰ Permusuhan di antara dua kumpulan kongsi gelap iaitu Ghee Hin dan Hai San telah mencetuskan Perang - perang Larut mulai tahun 1861-1872.²¹ Seramai 248 orang Cina termasuk saudagar dan pedagang di Selat telah menghantar rayuan. Malahan pada awal tahun 1872 terdapat kira - kira 3,000 - 4,000 orang Cina yang mengerjakan lombong di Larut.

Justeru itu Perjanjian Pangkor pada Januari 1874 muncul sebagai pembuka tirai yang mengukuhkan kuasa British ke atas Tanah Melayu. Perjanjian ini juga boleh dilihat sebagai permulaan ‘indirect rule’ di Perak dengan perlantikan seorang pegawai British bergelar Residen yang akan mengendalikan segala bentuk urusan dalam negeri kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat resam Melayu.

¹⁹ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson, Arizona: University of Arizona Press, 1965, hlm. 22.

²⁰ George Ord to Earl of Kimberley ,Collection of Printed Papers, Press Cutting , Etc, 6 November 1872, SP 12/127/72, hlm.11.

²¹ H.S. Barlow, *Swettenham*, Southdene Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1995, hlm. 20.

Seterusnya Sistem Residen digalurkan ke negeri-negeri lain seperti Selangor (1874) dan Pahang (1887) serta Negeri Sembilan (1883-1887).²² Menjelang 15 Januari 1874 satu persetujuan bagi menamatkan permusuhan di antara kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San di Perak telah dicapai. Melalui persetujuan tersebut kedua pihak bersetuju untuk mengekalkan keamanan serta memusnahkan kubu-kubu yang didirikan oleh mereka.

Di samping itu kedua pihak juga bersetuju supaya segala hal ehwal yang berkaitan dengan Larut diuruskan oleh Residen British.²³ Walau bagaimanapun perjanjian di antara kedua belah pihak hanya ditandatangani selepas 20 Januari 1874 memandangkan tandatangan Sultan Perak juga diperlukan bagi menyelesaikan perselisihan tersebut.²⁴ Setelah mengukuhkan kedudukannya di Perak, British telah mengalihkan pandangannya ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Salah sebuah negeri yang turut memberi peluang kepada campurtangan British akibat kekacauan yang berlaku dalam negeri ialah Negeri Sembilan.²⁵ Campurtangan British juga disebabkan negeri tersebut kaya dengan bijih timah.²⁶ Malahan "... the last of Clarke's converts to the idea of British protection was the little state of Sungai Ujong, one of the nine states (Negri Sembilan) lying behind Malacca and between Singapore and Johore".²⁷

²² J.S. Sidhu, *Administration In The Federated Malay States 1896 - 1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hlm.5.

²³ H.S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur: Southdene Sdn. Bhd., 1995, hlm. 45.

²⁴ Ibid., hlm. 16.

²⁵ Maxwell and Gibson, hln. 28.

²⁶ Ibid., hlm. 28.

²⁷ Emerson, hlm. 121.

KONFLIK POLITIK DI NEGERI SEMBILAN DALAM ABAD KE 19

Menjelang abad ke- 19 permintaan dunia bagi bijih timah telah meningkat berikutan dengan perusahaan menyadur timah bagi mengetin makanan di Britain dan Amerika Syarikat.²⁸ Ini menyebabkan harga bijih timah melambung tinggi dan mengalakkan pembukaan lebih banyak lombong bijih timah seperti di Larut, Sungai Ujong dan Rasah.

Sebelum abad ke- 19 kebanyakan perusahaan bijih timah diusahakan oleh orang Melayu terutamanya golongan bangsawan dan pembesar. Mulai abad ke- 19 penerokaan yang lebih pesat dalam bidang ekonomi telah memberi peluang kepada pelabur asing terutamanya orang-orang Cina dan Eropah untuk mengeksplotasi sumber tersebut. Timah dieksport melalui sungai yang merupakan satu-satunya cara perdagangan dan komunikasi pada masa tersebut. Pada ketika itu Sungai Linggi merupakan jalan utama bagi timah yang dieksport di Negeri Sembilan.²⁹

Keuntungan lumayan yang diperolehi daripada kegiatan perlombongan bijih timah menyebabkan para pembesar mula mengenakan cukai ke atas timah yang dieksport melalui Sungai Linggi. Salah seorang di antara pembesar tersebut ialah Dato Muda Linggi³⁰ iaitu Mohamad Katas, yang mempunyai kuasa utama dalam

²⁸ K.J. Tregonning, ' Straits Tin : A Brief Account of The First Seventy Five Years Of The Straits Trading Company', *JMBRAS*, Vol. 36, Part 1, No 201, 1963, hlm. 81.

²⁹ H.S. Barlow, hlm. 19.

³⁰ Mohamad Katas sebenarnya berasal dari Rembau. Setelah berkahwin dengan anak perempuan Dato Linggi , beliau menetap di Pengkalan Kundang. Pada tahun 1824 beliau dilantik sebagai Dato Muda Linggi oleh Klan. (R. N. Bland, *JSBRAS*, No 28, 1895, hlm. 67.)

aktiviti perdagangan timah ke Melaka. Beliau telah menghantar hasil dari lombong timah kepada firma Messrs. Neubronner dan Co.³¹

Selain daripada saudagar-saudagar British dan Cina aktiviti perdagangan di Semenanjung turut disertai oleh pembiaya kewangan lombong-lombong di Sungai Ujong, Lukut dan Klang.³² Salah seorang di antaranya ialah John Bartholomeus Westerhout. Pada bulan Februari 1844 firma Westerhout and Co pula menyertai aktiviti perdagangan timah tersebut. Ia diketuai oleh sebilangan saudagar Cina yang bergabung dengan J.E. Westerhout, anak kepada J.B. Westerhout, Penolong Residen Melaka.³³ Kebanyakan pelombong Cina bertumpu di situ disebabkan huru-hara yang berlaku di Klang.

Tambahan pula melalui perjanjian 9 Januari 1833 di antara ketua-ketua Rembau, pelombong-pelombong diwajibkan menjual timah dengan harga yang ditetapkan kepada orang tengah yang lazimnya terdiri daripada pembesar-pembesar yang kemudiannya menjual timah tersebut kepada saudagar Melaka. Sebagai balasan orang tengah tersebut mendapat wang, candu dan beras daripada saudagar Melaka yang seterusnya menjual barang-barang tersebut kepada pelombong-pelombong dengan harga yang mahal.³⁴

³¹ Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850 - 1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, London: Oxford University Press, 1972, hlm. 118.

³² Ibid., hlm. 59.

³³ Ibid., hlm. 119.

³⁴ Khoo Kay Kim, hlm.77.

Malahan pelombong-pelombong terpaksa membayar bunga bagi wang pendahuluan yang diterima oleh mereka. Menjelang 1840 saudagar di Melaka dapat berhubung secara langsung dengan pelombong-pelombong. Disebabkan peranan mereka sebagai orang tengah tidak diperlukan maka para pembesar mula mencari jalan lain bagi mengaut kekayaan daripada lombong-lombong timah tersebut. Justeru itu cukai dikenakan di sepanjang Sungai Linggi yang merupakan jalan pengangutan yang utama bagi bijih timah dari kawasan-kawasan perlombongan sekitarnya.

Walaupun Westerhout diberi bahagian dalam perdagangan timah namun pengaruh Neubronner tidak kurang hebatnya melalui abang iparnya Thomas Lewis yang dilantik sebagai ‘ Acting Councillor of Malacca’. Lewis dengan segera menulis surat kepada Katas dan ini menyebabkan Dato Muda Linggi berasa bimbang sekiranya tindakannya bercanggah dengan polisi kerajaan British. Malahan Neubronner dikatakan telah menghamparkan pelombong-pelombong Cina .

Menjelang Ogos 1844 seramai 37 orang pelombong Cina telah menghantar rayuan kepada Gabenor mengadu bahawa kerani di Jabatan Perkapalan, Joseph Neubronner telah campur tangan dalam aktiviti perdagangan bebas di pelabuhan.³⁵ Kerajaan Selat seterusnya telah memaklumkan kepada Dato Muda Linggi bahawa beliau (Katas) bebas berdagang dengan sesiapa sahaja yang disukainya. Sementara itu disebabkan teguran daripada semua pihak, Westerhout telah menarik balik anaknya daripada firma tersebut.

³⁵ Khoo Kay Kim, hlm.119.

Walau bagaimanapun ini tidak membawa kepada sebarang penyelesaian dalam masalah yang dihadapi. Persaingan di antara Neubroner dan Co dengan Chee Yam Chuan (rakan kongsi utama Westerhout) telah berterusan.

Pada masa yang sama perkembangan dalam aktiviti perlombongan telah mewujudkan perdebatan di kalangan para pembesar di Negeri Sembilan. Di antara tahun 1830-1860 terdapat komplot dan peperangan di antara pembesar dari pelbagai daerah di Negeri Sembilan di satu pihak dan di antara pembesar tersebut dengan Yam Tuan di pihak yang lain.³⁶ Pertikaian tersebut berpunca daripada keinginan setiap pihak untuk mengenakan cukai ke atas timah yang dieksport.

Menjelang 1860-an Dato Klana Sending telah menyerahkan kuasa pemerintahan kepada anak saudara lelakinya, Syed Abdul Rahman sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 1861. Abdul Rahman telah mengukuhkan kedudukannya sebagai Dato Klana yang seterusnya. Beliau telah ditentang oleh seorang pembesar yang juga berkuasa dalam pemerintahan Sungai Ujong iaitu Abdullah bin Ahmad yang dikenali sebagai Dato Syahbandar Tunggal (lebih dikenali sebagai Dato Bandar).

³⁶ J. M. Gullick, *The War With Yamtuan Antah*, *JMBRAS*, Vol. XXVII, Part 1, 1954, hlm.2

Perebutan kuasa di antara Dato Klana dan Dato Bandar di Sungai Ujong telah mengeruhkan lagi konflik politik di Negeri Sembilan.³⁷ Dato Bandar salah seorang pembesar Sungai Ujong melahirkan perasaan benci kepada Dato Klana Syed Abdul Rahman kerana persahabatan Dato Klana dengan British. Pada tahun 1874 Dato Klana Syed Abdul Rahman telah meminta kebenaran daripada Gabenor Sir Andrew Clarke di Singapura bagi pembinaan jalan raya dan sebuah rumah penjara di Sungai Ujong. Dato Klana juga mengesyorkan supaya Isemonger yang pada ketika itu menjadi Majistret di Melaka dilantik sebagai Residen di Sungai Ujong.

Tetapi tuntutan Dato Klana tidak dapat dipenuhi oleh Clarke memandangkan kerajaan British tidak bersedia untuk campurtangan secara sepenuhnya dalam pentadbiran Sungai Ujong. Walau bagaimanapun British telah mengakui Dato Klana sebagai pemerintah Sungai Ujong. Ini membawa kepada penentangan, oleh Dato Bandar yang juga menuntut hak yang sama. Kesannya ‘there were conflicting claims over mining property in Sungei Ujong and further claims to collect dues on the Linggi river’.³⁸

³⁷ Bendahara Sekudai yang merupakan pemerintah pertama(Penghulu) bagi Sungai Ujong mempunyai dua orang anak lelaki iaitu Mohamad Tumbu dan Toh Musang serta dua orang anak perempuan hasil daripada perkahwinannya dengan Batin Seri Alam. Seterusnya Toh Musang menjadi pemerintah kedua bagi Sungai Ujong. Anak kepada Toh Musang iaitu Tok Penghulu Selat menjadi pemerintah Sungai Ujong yang ketiga dan berkahwin dengan Toh Dara(anak kepada Mohamad Tumbu). Hasil daripada keturunan inilah wujudnya Waris Klana. Manakala kedua orang anak perempuan Bendahara Sekudai telah berkahwin dengan orang Melayu dan seterusnya melahirkan satu lagi Waris dalam pemerintahan Sungai Ujong iaitu Waris Bandar.(J.M. Gullick, Sungei Ujong, *JMBRAS*, Vo. XXII, Part 2, 1949, hlm. 12.

³⁸ C.N. Parkinson, *British Intervention In Malaya 1867 - 1877*, Singapore: University of Malaya Press, 1960, hlm. 165.

Ini menyebabkan seorang pegawai kerajaan iaitu W.A. Pickering dihantar ke Sungai Ujong pada 3 Oktober 1874 bagi menasihati Dato Klana, di samping mengetahui situasi di Sungai Ujong. Pickering juga diarahkan untuk menghantar sepucuk surat kepada Dato Bandar yang memintanya datang berjumpa dengan Gabenor di Singapura.³⁹

Bagi membantah sikap Dato Klana yang menjalin hubungan baik dengan British, Dato Bandar telah menggugut hendak menimbulkan huru-hara di Sungai Ujong. Bagi membantu Dato Klana Kerajaan British di Negeri-Negeri Selat telah menghantar satu pasukan polis yang terdiri daripada 60 orang bersama-sama dengan 44 orang kuli. Pasukan itu diketuai oleh Pickering.

Pada 10 Oktober 1874 bendera British telah dinaikkan di sisi rumah Dato Klana di Ampangan dan tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan pada keesokan harinya bagi menghormati hari kenaikan bendera tersebut.⁴⁰ Di samping itu “... incense was at the foot of the flag staff and an old Haji recited a litany on his knees and all the people cried Amen and then the ceremony was over”.⁴¹

³⁹ Sungei Ujong Expedition of December 1874, SP 12/128/110, hlm.13.

⁴⁰ J.M. Gullick, The Negri Sembilan Economy Of The 1890's, *JMBRAS*, Vol. XXIV, Part 1, No 154, 1951, hlm. 71.

⁴¹ Pickering's Journal, Singapore to Sunghie Ujong, 1874, *Swettenham Papers*, Item 72, hlm.4.

Di samping itu notis dalam bahasa Cina telah diedarkan kepada penduduk Sungai Ujong yang ditandatangani oleh Dato Klana, Kapten orang Cina serta Pickering selaku wakil British. Ia bertujuan untuk memberitahu kepada penduduk di kawasan tersebut terutamanya orang-orang Cina, bahawa British telah mengiktiraf Klana sebagai pemerintah yang sah. Dengan itu mereka tidak boleh mencampuri sebarang urusan Kerajaan atau pun membahagikan diri mereka mengikut daerah dan memulakan sebarang perperangan.⁴²

Sikap dingin yang ditunjukkan oleh Dato Bandar ke atas perlantikan Klana sebagai pemerintah Sungai Ujong menyebabkan Dato Klana telah mengumpulkan orang-orangnya hendak menyerang Dato Bandar. Pasukan perang Dato Klana itu terdiri daripada pasukan polis dari Negeri-Negeri Selat dan pasukan perang Kerajaan British di Negeri-Negeri Selat yang diketuai oleh seorang Raja dari Tampin bernama Tengku Abu.

Perang bertambah hebat dan akhirnya Kerajaan British telah menghantar bantuan tambahan kepada Dato Klana. Sementara itu Pickering dalam jurnal beliau menulis:

“at Rass, the Dato Banda’s trading port, situated on the banks of the Linggy river, a rapid stream and full of boats. I sent for the Dato Dagang who is in charge and gave him the letters for the Bandah telling him that if that person wished to see me, I should be happy to see him if not then I advised him to obey the Government letter and to make known any grievances, by letter or personally to His Excellency”.⁴³

⁴² Ibid., hlm.9.

⁴³ Ibid., hlm.1.

Akhirnya pasukan Dato Klana yang dibantu oleh pasukan perang British telah menawan Rasah pada 14 Oktober 1874. Pada malam 11 November 1874 rumah Dato Bandar di Kepayang diserang dan seminggu selepas itu Rahang pula dibakar. Sementara itu Dato Bandar telah mengutus surat kepada Gabenor di Singapura dan menyalahkan perbuatan British yang telah memberi bantuan kepada Klana itu. Menurut Dato Bandar “The Klana is guilty in making war: he has made a fort and stolen my guns.”⁴⁴

Penjelasan yang diberikan oleh Gabenor di Singapura berhubung dengan perkara tersebut ialah Dato Klana hanya bertindak mengikut nasihat pihaknya dan sekiranya Dato Bandar terlebih awal mendengar nasihat dan menghantar surat kepada Gabenor seperti yang diarahkan sudah pasti Rasah tidak akan diserang.

Menjelang 30 November 1874, Dato Bandar telah menghantar wakil ke Singapura menyatakan kepada Kerajaan British bahawa beliau telah menyerah kalah dan tidak mahu berperang lagi dengan Dato Klana dan mengakui Dato Klana Syed Abdul Rahman sebagai pemerintah Sungai Ujong. Malahan “...Dato Bandar has completely lost his objection to British administration and interest himself in all schemes for the development of the country”.⁴⁵

⁴⁴ Ibid., hlm.8.

⁴⁵ Annual Report On The State Of Negri Sembilan 1888 - 1893, CO 435/1, hlm.13.

Suasana politik di Negeri Sembilan menjadi semakin kucar kacir apabila berlaku perebutan dalam jawatan Yamtuan Besar. Kemangkatan Yamtuan Radin pada tahun 1866 membawa kepada kenaikan takhta oleh abangnya iaitu Yamtuan Imam. Setelah Yamtuan Imam mangkat pada 1869 berlaku perebutan takhta di antara Tunku Antah (anak kepada Yamtuan Radin) dengan Tunku Ahmad Tunggal (anak kepada Yamtuan Imam). Antah mendapat sokongan daripada Johol, Ulu Muar, Terachi, Gunung Pasir manakala Ahmad Tunggal mendapat sokongan Rembau dan Sungai Ujong.

Persaingan bertambah hebat apabila Dato Klana memberi sokongan kepada Tunku Ahmad Tunggal. Tindakan Klana yang membawa kepada campurtangan British di Sungai Ujong menyebabkan pembesar-pembesar lain menyokong Tunku Antah. Malahan "... the chief feared that with British backing the Dato Klana would build up greater wealth and influence than they had and would threaten their security."⁴⁶ Pertengkarannya di antara Tunku Antah dan Dato Klana sampai ke kemuncak apabila masing-masing menuntut kekuasaan ke atas wilayah Terachi.⁴⁷

Walaupun Terachi merupakan kawasan yang terletak dalam hak pentadbiran Yam Tuan Seri Menanti namun Dato Klana telah mengukuhkan kuasanya ke atas Terachi mulai tahun 1869 iaitu setelah kemangkatan Yamtuan Imam.⁴⁸ Malahan konflik di antara Dato Klana dan Dato Bandar juga melibatkan pembesar-pembesar

⁴⁶ J.M. Gullick, *The War With Yam Tuan Antah*, *JMBRAS*, Vol. XXVII, Part 1, 1954, hlm.4.

⁴⁷ Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 58 - 59.

⁴⁸ Daerah-daerah Terachi, Ulu Muar, Gunung Pasir dan Jempol ialah daerah kepunyaan peribadi Yam Tuan Seri Menanti yang juga disebut 'Tanah Mengandung'. (Buyong Adil, hlm. 59.)

dari negeri-negeri lain. Tengku Kudin⁴⁹ misalnya yang merupakan Wizurai Selangor pada ketika itu telah memberi sokongan kepada Dato Bandar manakala Bendahara Wan Ahmad dari Pahang cuba melibatkan Dato Klana dalam Perang Saudara Pahang (1862 - 63).⁵⁰

Menjelang tahun 1875 Klana menuntut Terachi sebagai daerah di bawah pengaruhnya. Pada masa tersebut Patrick James Murray yang baru menjadi Residen British di Sungai Ujong telah mempersetujui permintaan Klana tersebut. Pada penghujung November 1875 Murray menerima laporan yang mengatakan bahawa Tunku Antah telah memecat pembesar Terachi yang dilantik oleh Dato Klana. Murray menyifatkan tindakan Antah sebagai melanggar peraturan dengan campurtangan di kawasan pengaruh Klana dan Murray bersama-sama Leftenan Hinxman serta beberapa pasukan polis telah melawat Terachi pada 27 November.⁵¹

Dengan adanya sokongan dan bantuan daripada askar-askar upahan British maka dengan mudah saja Yamtuan Antah dan pasukannya dapat dikalahkan oleh pihak Klana. Perang antara mereka ini berlangsung di Bukit Putus dalam tahun 1875. Walaupun di peringkat awal pasukan Tunku Antah berjaya menawan Paroi (terletak di hujung Sungai Ujong) tetapi ketibaan pasukan bantuan British dari Rejimen kesepuluh yang diketuai oleh Leftenan Peyton membawa kepada penaklukan semula kawasan Paroi dan berakhir dengan kekalahan di pihak Tunku Antah.

⁴⁹ Tengku Kudin merupakan menantu kepada Sultan Abdul Samad yang melantiknya sebagai Wizurai Selangor pada tahun 1868 untuk menamatkan Perang Kelang (1867-73) di antara Raja Abdullah dan Raja Mahdi berhubung dengan penguasaan wilayah Kelang yang kaya dengan bijih timah.

⁵⁰ J.M. Gullick, *Sungei Ujong, JMBRAS*, Vol. XXII, Part 2, 1949, hlm. 19.

⁵¹ Ibid., hlm.6.

Gabenor British telah menasihati Tunku Antah supaya kembali semula ke Negeri Sembilan dan menjadi Yam Tuan bagi kawasan Seri Menanti sahaja. Seterusnya sebuah perjanjian yang bertarikh 23 November 1876 telah dimeterai antara Tunku Antah dengan Penghulu-penghulu Luak Ulu Muar, Gunung Pasir, Johol, Jempol dan Inas bersama Gabenor Negeri-Negeri Selat. (Sila Rujuk Lampiran 3.2)

Artikel pertama dalam perjanjian tersebut telah mengiktiraf Tunku Antah sebagai Yam Tuan Besar Seri Menanti yang mempunyai kuasa ke atas Seri Menanti, Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas.⁵² Selain itu Yamtuan Seri Menanti tidak akan menganggu soal pentadbiran di Rembau, Sungai Ujong , Jelebu dan Johol yang telah mempunyai pemerintah masing-masing yang dikenali sebagai Undang.⁵³ Yamtuan juga bersetuju untuk mendapatkan budibicara daripada British berhubung dengan soal pemerintahan dalam negeri.

Salah satu perkara menarik dalam perjanjian tersebut ialah artikel keenam yang menyebut bahawa sekiranya berlaku sebarang kekacauan dalam negeri yang tidak dapat diatasi, ia harus dirujuk kepada Maharaja Johor.⁵⁴ Ini menunjukkan walaupun hubungan di antara Negeri Sembilan-Johor telah berakhir dengan pertabalan Raja Melewar sebagai Yam Tuan pada tahun 1773 namun ikatan di antara kedua buah negeri tersebut masih berterusan. Malahan Maharaja Johor juga mempunyai pengaruh yang kuat dalam arena politik Negeri Sembilan. Ini diakui

⁵² W.G. Maxwell and W.S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting The Malay States and Borneo*, London: Truscott and Sons Ltd, 1924, hlm. 60 - 61.

⁵³ J.M. Gullick, *The War With Yam Tuan Antah*, *JMBRAS*, Vol. XXVII, Part 1, 1954, hlm. 2.

⁵⁴ Maxwell and Gibson, hlm. 61.

sendiri oleh Gabenor Frederick Weld “ By the end of 1881 Weld was convinced of the need to counter the Maharaja’s influence, which had grown dangerously...”⁵⁵

Menjelang 4 Jun 1887 satu lagi perjanjian ditandatangani antara Yam Tuan Antah dengan pihak British serta Datuk-Datuk Penghulu Johol, Inas, Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Berdasarkan perjanjian tersebut kedua belah pihak bersetuju mengekalkan keamanan dalam wilayah-wilayah di negeri tersebut (Sila Rujuk Lampiran 3.3).

Sesuatu yang menarik dalam perjanjian tersebut ialah artikel ketiga yang menyebut “... should there be occasion for any arrangement or correspondence with any Foreign State, it shall be conducted through the Governor of the Straits Settlements, and that no grant or concessions shall be made to other than British Companies or person of the Malay, Chinese, Indian or other Oriental races, not being subjects of any Non-Oriental nations, without the assent of the Governor of the Straits Settlements”.⁵⁶ Ini dengan jelas menunjukkan bahawa ancaman daripada kuasa - kuasa luar membawa kepada pengukuhan dasar British dalam politik tempatan melalui perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dengan pemerintah-pemerintah tempatan

⁵⁵ Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877 - 1895 Political Change and Social Policy*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1969, hlm. 43.

⁵⁶ Maxwell and Gibson, hlm. 62.

POLISI BRITISH DI NEGERI SEMBILAN 1874 - 1895

Selepas mengukuhkan kedudukannya di negeri Perak, Clarke secara beransur - ansur beralih ke negeri-negeri Melayu yang lain terutamanya Negeri Sembilan. Walaupun di peringkat awal British hanya menguasai enam daripada sembilan daerah tetapi secara berperingkat - peringkat British berjaya memasukkan kesemua wilayah di bawah pengaruhnya. Treati yang ditandatangani pada 8 Ogos 1895 merupakan langkah terakhir yang membawa kepada Persekutuan kesemua sembilan daerah di bawah perlindungan British dan penerimaan seorang penasihat yang bergelar Residen British.⁵⁷

Perhubungan di antara penduduk Negeri Sembilan dengan British boleh dikatakan telah lama bermula. Namun di peringkat awal perhubungan tersebut, British tidak berniat untuk campurtangan secara keseluruhan dalam struktur politik daerah-daerah di Negeri Sembilan. Tumpuan British hanyalah ke atas wilayah - wilayah yang kaya dengan bijih timah seperti Sungai Ujong dan Jelebu agar kedudukannya dalam gelanggang ekonomi tempatan tidak terjejas disebabkan huru - hara yang berlaku dalam wilayah-wilayah tersebut.

⁵⁷ W. G. Maxwell and W.S. Gibson, hlm. 64 - 65.

Campurtangan British di Negeri Sembilan bermula dengan daerah Naning dalam tahun 1800 -an.⁵⁸ Naning terletak di bahagian utara Melaka dan timur Johol serta berhadapan dengan Rembau di sebelah barat.⁵⁹ Pada mulanya Naning berada di bawah pengaruh Portugis dan melalui perjanjian 1643 Naning diletakkan di bawah kekuasaan Belanda. Semasa berada di bawah penguasaan Belanda ia kekal sebagai sebuah daerah yang merdeka dengan diketuai oleh Dato Naning, Ketua Suku dan para pembesar.

British mula memberi perhatian terhadap Naning apabila menduduki Melaka dari 1795-1818.⁶⁰ Pada tahun 1795 Perancis di bawah pemerintahan Napoleon telah menakluki Belanda. Raja Belanda telah mlarikan diri ke England dan meminta Kerajaan Britain supaya mengambil alih wilayah-wilayah jajahan Belanda di Timur sehingga beliau kembali semula berkuasa di Belanda.

Melalui perjanjian 1801 di antara British dengan Naning (Sila Rujuk Lampiran 3.4), Naning diwajibkan membayar satu persepuhl daripada hasil mereka kepada Syarikat Hindia Timur British. Tetapi “in consideration of their indigent circumstances the Company agreed to be content with the annual homage of the Penghulu or his deputy bringing as a token of submission only 400 gantang of paddy”.⁶¹

⁵⁸ Di peringkat awal Naning merupakan sebahagian daripada kawasan Negeri Sembilan yang diasaskan oleh imigran Sumatra yang menyeberangi Selat Melaka dalam abad ke 15 dan 16 yang telah membawa bersama-sama mereka kebudayaan Minangkabau. (J.L. Humphreys, A Naning Recital, *JMBRAS*, No 83, 1921, hlm.1.)

⁵⁹ T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of The British Settlements In The Straits of Malacca*, Vol. 1, London: Oxford University Press, 1971, hlm. 190.

⁶⁰ Newbold, hlm. 224.

⁶¹ R.O. Winstedt, *History Of Negeri Sembilan*, *JMBRAS*, Part 111, Vol. X11, 1934, hlm. 64.

Dari tahun 1818-1824 Melaka berada di bawah perlindungan Belanda. Sekembalinya British ke Melaka dalam tahun 1824 beberapa perubahan telah dilakukan ke atas Naning yang telah mencetuskan Perang Naning di antara tahun 1831-32. Gabenor Robert Fullerton dan William T. Lewis (Penguasa Tanah di Melaka) berpendapat Naning harus membayar satu persepuhl daripada hasil mereka kepada pentadbiran Melaka. Malahan British bercadang untuk melantik pembesar - pembesar Naning sebagai pengutip cukai.

Cadangan-cadangan tersebut ditentang oleh Penghulu Naning, Abdul Said yang menggantikan pakciknya dalam tahun 1801 dan seterusnya ia membawa kepada Perang Naning dalam tahun 1831-32. British telah menewaskan Abdul Said dan Naning digabungkan dengan Melaka dan diletakkan di bawah kawalan seorang Superintendent. Perang Naning juga mengakibatkan berpecahnya wilayah Negeri Sembilan. Status Penghulu Naning diturunkan darjatnya menjadi ketua mukim sahaja dan bukan ketua bagi sebuah daerah yang besar.⁶²

Di sepanjang pertengahan abad ke- 19 Negeri Sembilan terlibat dalam pergolakan politik di kalangan para pembesar yang ingin merebut kuasa antara satu sama lain. Di peringkat daerah berlaku pergelutan kuasa di Sungai Ujong, Rembau dan Jelebu antara para pembesar yang bersaing. Di Seri Menanti juga berlaku persaingan antara individu yang mahu memegang jawatan Yamtuan Besar.

⁶² Zainal Kling, ' Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Di Malaysia', Seminar Kebudayaan Minangkabau, Sumatera, 1985, hlm.11.

Di seluruh negeri ternyata berlaku pergelutan kuasa politik antara satu sama lain sebagai kesan dari berbagai-bagai perkembangan politik dan ekonomi kolonial. Keperluan menguasai ekonomi wilayah masing-masing mendorong para pembesar mencari bantuan kuasa British bagi campur tangan di Negeri Sembilan.

Tumpuan British bukannya ke atas Negeri Sembilan sebagai suatu keseluruhan tetapi dengan Sungai Ujong, kawasan perlombongan bijih timah yang utama.⁶³ Pada pertengahan abad ke 19 Sungai Ujong telah menjadi tumpuan para pedagang akibat jumpaan bijih timah yang banyak. Penutupan lombong timah di Kesang (Melaka) dalam tahun 1850-an menyebabkan Sungai Ujong menjadi tumpuan pelombong-pelombong Cina. Malahan menjelang tahun 1874 terdapat seramai 15,000 pelombong Cina di Sungai Ujong.⁶⁴

Walaupun terdapat lombong-lombong kepunyaan orang Melayu yang diusahakan oleh orang-orang Rawa dan Batak namun pelombong Cina telah memperkenalkan kaedah-kaedah perlombongan bijih timah yang lebih berkesan yang membawa kepada peningkatan dalam pengeluaran timah. Keuntungan lumayan yang diperolehi daripada hasil perlombongan timah menyebabkan pembesar-pembesar Melayu cuba mengenakan cukai ke atas bijih timah yang dibawa keluar melalui Sungai Linggi.

⁶³ C.N.Parkinson, *British Intervention In Malaya 1867 - 1877*, University of Malaya Press, Singapore, 1960, hlm. 165.

⁶⁴ J.M. Gullick, *Sungei Ujong, JMBRAS*, Vol. XXII, Part 2, 1949, hlm. 18.

Mengikut George Ord kesannya "...this would be to prevent the Sungai Ujong people from getting in their supplies or getting out their tin of which there are considerable mines in some of which the Malacca people are interested..."⁶⁵ Pada masa yang sama pertempuran meletus di antara Dato Klana dan Dato Bandar. Pada 21 April 1874 Dato Klana Sungai Ujong, Dato Syed Abdul Rahman dan Dato Muda Linggi telah menandatangani satu perjanjian dengan Sir Andrew Clarke di Government House di Singapura.(Sila Rujuk Lampiran 3.5)

Perjanjian tersebut yang ditandatangani pada 21 April 1874 bertujuan untuk menamatkan segala huru-hara yang berlaku di Sungai Ujong dan Sungai Linggi yang telah menganggu aktiviti perdagangan di kawasan tersebut.⁶⁶ Pembesar-pembesar tersebut bersetuju untuk menerima perlindungan daripada British dan berjanji untuk menjaga perdagangan di Sungai Linggi serta memastikan kawasan tersebut tidak dikenakan cukai oleh sesiapa tanpa pengetahuan para pembesar. Maka pada masa itulah Sungai Ujong telah masuk ke bawah naungan British⁶⁷ dan persahabatan di antara Klana dan British mula terjalin.⁶⁸ Patrick James Murray dilantik sebagai Penolong Residen Sungai Ujong pada April 1875.⁶⁹

⁶⁵ Surat George Ord kepada Earl of Kimberley bertarikh 6 November 1872 dalam Collection Of Printed Papers, Press Cutting Etc, SP 12/127/72, hlm. 12.

⁶⁶ Maxwell and Gibson, hlm. 38.

⁶⁷ Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Penerbitan Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 68.

⁶⁸ Parkinson, hlm. 168.

⁶⁹ J.M. Gullick, The War With Yam Tuan Antah, *JMBRAS*, Vol. 27, Part 1, 1954, hlm. 3.

Setelah menyelesaikan keadaan huru-hara di Sungai Ujong, British seterusnya memberi perhatian kepada Rembau. Menjelang tahun 1883 Sir Frederick Weld⁷⁰ mula mencari jalan bagi campurtangan di Rembau apabila berlaku pertengkaran di antara Penghulu Rembau, Haji Sahil dengan Syed Hamid yang menuntut gelaran Yamtuan Muda Tampin.⁷¹

Walaupun pada 31 Mac 1877 sebuah perjanjian ditandatangani di antara Rembau dan pihak British tetapi ia lebih merupakan sebuah perjanjian peribadi yang tidak melibatkan Rembau sebagai sebuah negeri. Perjanjian ini boleh dianggap sebagai suatu dokumen yang bertujuan untuk mendisiplinkan diri Haji Sahil yang memegang jawatan Penghulu Rembau. Malahan perjanjian tersebut juga merupakan perjanjian perseorangan di antara Datuk Haji Sahil dengan pihak British dan Maharaja Johor.⁷²

Memandangkan Haji Sahil telah gagal meneruskan adat dan melakukan beberapa perkara yang menyalahi peraturan Rembau, Seron bin Sidin telah dilantik sebagai Penghulu Rembau melalui satu perjanjian dengan pembesar-pembesar Rembau di Melaka. (Sila Rujuk Lampiran 3.6) Haji Sahil telah didapati bersalah dan telah dibuang negeri.⁷³

⁷⁰ Frederick Weld menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat pada tahun 1880-87. Beliau merupakan seorang imperialis yang berpendapat British harus meluaskan pengaruh mereka di Semenanjung Tanah Melayu. Beliau meninggal dunia pada tahun 1891. (Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur, University Malaya Press, 1968, hlm.115.)

⁷¹ Weld kepada Kimberly, 29 Jun 1880, CO 273/103.

⁷² Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Sembilan, daerah kecil pesaka adat warisan kerajaan berdaulat*, Shah Alam: Fajar Bakti, 1995, hlm.271.

⁷³ Weld kepada Derby, 7 April 1883, CO 273/120. Malahan Haji Sahil tidak memahami struktur, organisasi dan hirarki sistem politik Adat Perpatih Rembau.(Norhalim, hlm.277)

Walau bagaimanapun pertengkaran mengenai pemungutan hasil telah meletus di antara Penghulu Rembau dengan pembesar-pembesarnya akibat pengagihan hasil yang tidak teratur. Bagi mengelakkan pertelingkahan yang berterusan satu lagi perjanjian di antara British dengan Rembau telah ditandatangani dalam bulan September 1887 yang membawa kepada perlantikan seorang pegawai British sebagai Pemungut Hasil dan Majistret⁷⁴ (Sila Rujuk Lampiran 3.7). Para pembesar dibayar satu pertiga daripada jumlah hasil yang dikutip. British turut mengakui kewujudan Tampin dari pecahan Rembau dan bermulanya jawatan Tengku Besar Tampin.⁷⁵

Setelah mengukuhkan kedudukannya di Sungai Ujong dan Rembau, British mula menunjukkan minat ke atas sebuah lagi daerah di Negeri Sembilan iaitu Jelebu.⁷⁶ Pertelingkahan di antara Yam Tuan Muda Abdullah dengan Undang Syed Ali telah membuka ruang bagi campurtangan British dalam politik Jelebu.

Melalui satu memorandum di antara Yam Tuan Jelebu, Tunku Abdullah bin Tunku Radin dan Dato Penghulu Jelebu, Syed Ali bin Zin Al Jafra dengan Sir Frederick Weld pada 24 Ogos 1883, pihak British berjaya campurtangan di Jelebu. Perjanjian tersebut membawa kepada pengiktirafan Tunku Abdullah sebagai Yam Tuan Jelebu dan Dato Penghulu terikat di bawah arahannya dan “ he shall be consulted on the larger matters of state such as properly appertain to a Raja”.⁷⁷

⁷⁴ W.G. Maxwell and W.S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting The Malay States and Borneo*, London, 1924, hlm.51 - 52.

⁷⁵ Ibid, hlm.12

⁷⁶ Weld kepada Derby, 14 Disember 1882, CO 273/117.

⁷⁷ W.G. Maxwell and W.S. Gibson, hlm.53 - 55.

Tetapi Yam Tuan tidak boleh mencampuri urusan pentadbiran dalam negeri yang berada di bawah kekuasaan Penghulu.(Sila Rujuk Lampiran 3.8) Namun Residen Sungai Ujong akan memberi nasihat dan membantu dalam sebarang perkara yang melibatkan aspek pentadbiran dan pemungutan hasil di Jelebu.⁷⁸

Kemangkatan Yam Tuan Jelebu dalam tahun 1884 membawa kepada satu lagi perjanjian di antara pihak British dengan Jelebu dalam bulan September 1886.(Sila Rujuk Lampiran 3.9) Perjanjian tersebut telah membawa kepada penghapusan jawatan Yam Tuan Jelebu. Berdasarkan perjanjian tersebut juga seorang pegawai British dilantik untuk mengawal dan mengeluarkan konsesi, mengawal hubungan luar dan mentadbirkan hasil di Jelebu. Artikel ketiga dalam perjanjian tersebut menyebut sebarang hubungan Jelebu dengan wilayah-wilayah luar hendaklah dikendalikan melalui pihak British dan pemberian konsesi hanyalah kepada pihak British.

Menjelang bulan Disember 1886 hanya wilayah-wilayah di Seri Menanti iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir yang berada di bawah penguasaan British.⁷⁹ Pada bulan Julai 1889 daerah-daerah Negeri Sembilan di sebelah timur iaitu Rembau, Johol dan Tampin bersetuju menyertai pergabungan Seri Menanti dan bersetuju menerima seorang Residen British yang akan bertindak sebagai penasihat kepada persekutuan tersebut.⁸⁰

⁷⁸ Weld kepada Derby, 3 September 1883, CO 273/122.

⁷⁹ Sungai Ujong State Council Papers, CO 435/1, hlm. 123.

⁸⁰ Maxwell and Gibson., hlm.63.

Daerah-daerah Negeri Sembilan di sebelah barat, Sungai Ujong dan Jelebu telah bersatu padu masuk ke bawah naungan British dengan diperintah oleh seorang Pegawai British yang bergelar Residen Sungai Ujong. Pada tahun 1895 Yamtuan Seri Menanti, Undang Johol, Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Rembau dan Tengku Besar Tampin telah menyatukan semua wilayah di Negeri Sembilan dan seterusnya bernaung di bawah British.

Kesimpulan

Sepanjang abad ke-19 suasana politik di negeri-negeri Melayu berada dalam keadaan huru-hara dan kacau bilau terutamanya di Perak, Negeri Sembilan dan Pahang.⁸¹ Pihak British menggunakan kekacauan yang berlaku sebagai alasan utama bagi campurtangan dalam politik Tanah Melayu.⁸² Walaupun ada sarjana-sarjana yang memberikan alasan yang berbeza mengenai campurtangan British di Tanah Melayu⁸³, yang jelas tujuan British campurtangan ialah untuk melindungi kepentingan ekonomi yang diperolehi agar keadaan anarki tempatan tidak mengancam keuntungan yang diperolehi terutamanya dalam aktiviti perdagangan.

⁸¹ Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874 - 1895*, Singapore: University Malaya Press, 1968, hlm. 1 - 30.

⁸² Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850 - 1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1973.

⁸³ Khoo Kay Kim berpendapat campurtangan British dalam politik Negeri-Negeri Melayu disebabkan oleh keperluan melindungi kepentingan ekonomi kuasa barat tersebut di rantau ini. Pendapat Khoo turut disokong oleh Emily Sadka yang menyatakan tekanan golongan kapitalis di Negeri-Negeri Selat membawa kepada campurtangan British. Manakala C.D. Cowan dan J.M. Gullick pula merasakan faktor kebimbangan ancaman kuasa asing dalam arena politik tempatan terutamanya Jerman mendorong British mengubah polisinya.

Mengikut Kimberley "...that peace and order should prevail in the States of the Malay Peninsula and that the rich resources of those states should be turned to account but that in the present condition of several of those states, I entertained serious doubt whether the Native Government were in a position to afford protection to Europeans who might engage in industrial enterprises within the native territories."⁸⁴

Dengan ini boleh dikatakan bahawa faktor utama yang membawa kepada campurtangan British di Tanah Melayu amnya dan Negeri Sembilan khasnya ialah keperluan bagi melindungi kedudukan dan kepentingan ekonomi British di rantau ini. Malahan desakan daripada pemodal dan pelabur yang terdiri daripada pelombong Cina dan Barat mempercepatkan campurtangan British di rantau ini.

Dalam pada itu ancaman daripada kuasa Barat lain seperti Jerman dan Perancis juga membimbangkan British memandangkan situasi politik negeri-negeri Melayu yang kurang stabil tersebut boleh memberi peluang kepada penglibatan kuasa asing di Tanah Melayu dan ini sudah pasti mengancam monopoli perdagangan yang dijalankan oleh mereka. Malahan pada penghujung abad ke- 19 negara-negara seperti Jerman, Perancis, Rusia, Belanda dan Itali mula mencari tanah-tanah jajahan baru untuk dieksplotasi. Benua Asia menjadi sasaran mereka yang sememangnya kaya dengan bahan mentah.

⁸⁴ Kimberley kepada Harry Ord, 29 November 1873, SP 12/127/72, hlm.14.


Di Negeri Sembilan peristiwa-peristiwa perbalahan yang berlaku di antara pembesar-pembesar Melayu tempatan sedikit sebanyak telah menarik perhatian pihak British untuk campurtangan. Namun sebagai kuasa yang terkemuka, mereka tidak mahu terburu-buru masuk campur supaya imej mereka sebagai kuasa agung tidak terjejas.

Dengan mengadakan perjanjian-perjanjian berat sebelah yang mengenepikan kuasa pemerintahan Melayu dalam bidang ekonomi dan politik serta pengenaan suatu syarat bahawa setiap wilayah yang dijajah akan menerima seorang Residen sebagai penasihat dalam semua aspek pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan adat dan agama Islam, British berjaya mencapai matlamatnya iaitu secara berperingkat - peringkat Sungai Ujong (April 1874), Rembau (Mac 1884), Jelebu (September 1886) dan Seri Menanti (Jun 1887) telah diletakkan di bawah perlindungan British.

Kesimpulannya pengenalan dasar campurtangan British ke atas negeri-negeri Melayu pada lewat abad ke- 19 secara tidak langsung telah menyediakan asas bagi campurtangan secara langsung dalam politik tempatan melalui pengenalan Sistem Residen. Dengan ini dapat dikatakan imperialisme Barat yang bermula sebagai proses ekonomi iaitu untuk mencari keuntungan telah berakhir sebagai proses politik dalam mengembangkan empayar kuasa Barat tersebut.

PETA 2


PETA DAERAH SUNGAI UJONG DALAM TAHUN 1874



Sumber: Munib Sheppard, *A Short History of Negri Sembilan*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965, hlm. 41

PETA 3


PETA DAERAH TAMPIN



Sumber: Mubin Sheppard, *A Short History of Negri Sembilan*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965, hlm. 44

PETA 4

PETA MENUNJUKKAN DAERAH SUNGAI UJONG DAN LUKUT



Sumber: J.M. Gullick, Sungei Ujong, *JMBRAS*, Vol. XXII, Part 2, 1949, hlm. 2

GAMBAR 1

DATO KLANA PETRA SYED ABDUL RAHMAN SUNGAI UJONG 1879



Sumber: Mubin Sheppard, *A Short History of Negri Sembilan*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965.

GAMBAR 2

YAM TUAN MOHAMMAD BERSAMA DUA ORANG PENGIKUTNYA



Sumber: Mubin Sheppard, *A Short History of Negri Sembilan*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965.

GAMBAR 3

MARTIN LISTER, RESIDEN BRITISH NEGERI SEMBILAN YANG
PERTAMA 1895-1897



Sumber: Mubin Sheppard, *A Short History of Negri Sembilan*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965.